

Modal Teroka Sebagai Pemangkin Keusahawanan Umat Islam: Peluang dan Cabarannya di Malaysia

Abdullaah Jalil

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Dulu dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia

Abstrak

Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti industri modal teroka sebagai salah satu sektor pertumbuhan baru untuk mempelopori pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai status negara maju. Insentif pencukuaian tambahan telah disediakan untuk menggalakkan pertumbuhan industri ini. Bagi pihak usahawan, konsep modal teroka mampu memberi penyelesaian kepada masalah pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan, iaitu dua masalah utama yang sering dihadapi oleh mereka dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan. Masalah-masalah ini akan menjadi lebih besar sekiranya ia melibatkan projek perniagaan yang melibatkan kos yang besar dan berisiko tinggi. Kajian ini bertujuan melihat potensi modal teroka sebagai salah satu konsep dan instrumen yang berpotensi menjadi penggerak utama keusahawanan di kalangan umat Islam di Malaysia. Kajian ini dijalankan berdasarkan analisa ke atas data sekunder yang berkaitan dengan industri ini di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa modal teroka mampu menjadi alternatif yang baik kepada para usahawan, terutamanya IKS (Industri Kecil dan Sederhana), selain pinjaman daripada pihak bank kerana kosnya yang lebih rendah. Namun begitu, sehingga akhir tahun 2004, terdapat sebanyak 38 syarikat modal teroka (VCCs) dan 34 syarikat pengurus modal teroka di Malaysia (VCMCs), dan potensi modal teroka sebagai sumber pembiayaan perniagaan yang utama masih belum digunakan sepenuhnya. Syarikat-syarikat kewangan Islam juga sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembiayaan yang berbentuk ekuiti seperti modal teroka dan penerapan konsep-konsep Islam seperti *musyarakah*, *mudarabah*, *muzaraah*, *musaqah* dan *mugharasah* mampu memberi kepelbagaian kepada kaedah pembiayaan yang berlandaskan Islam.

Pendahuluan

Pembiayaan projek atau inovasi adalah salah satu masalah yang dihadapi oleh usahawan, terutamanya usahawan kecil dan sederhana yang tidak mempunyai modal yang cukup di awal peringkat perniagaannya. Syarat pinjaman bank yang agak ketat dan konservatif tidak dapat membantu bakal usahawan yang hanya mempunyai idea dan tidak mempunyai cagaran atau jaminan bagi pinjamannya atau laporan kewangan syarikat yang baik. Pada peringkat awal dahulu, teori perkongsian untung-rugi (PLS) mendominasi literatur dalam perbankan dan kewangan Islam, namun pembiayaan berbentuk ekuiti itu seperti *musyarakah* dan *mudarabah* tidak mendapat sambutan dari institusi-institusi perbankan Islam kerana tugas dan tanggunggan institusi-institusi tersebut sebagai ‘sebuah bank’. Hampir kesemua pembiayaan yang dipilih oleh bank-bank Islam adalah berdasarkan kontrak jual beli, upah dan sewa/sewa-beli (Dar & Presley, 2000).

Oleh itu, satu kaedah pembiayaan ekuiti yang mampu membantu sifat dan idea keusahawanan yang ada pada para usahawan tidak disia-siakan patut diperkenalkan. Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti kaedah pembiayaan berasaskan konsep modal teroka atau modal usaha niaga sebagai salah satu kaedah pembiayaan baru untuk mempelopori pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai status negara maju. Berbagai insentif tambahan telah disediakan oleh pihak kerajaan khususnya untuk menggalakkan pertumbuhan industri ini.


Konsep Modal Teroka/ Usaha Niaga¹

Modal teroka (juga dikenali sebagai modal usaha niaga) merupakan satu bentuk pembiayaan ekuiti yang menumpukan pembiayaan kepada syarikat-syarikat yang semakin berkembang, tidak tersenarai di pasaran saham dan berorientasikan risiko (BNM, 2000). Walaupun konsep pembiayaan ekuiti adalah tidak asing dalam sejarah manusia, namun konsep moden modal teroka ini hanya baru dimulakan di Amerika

¹ Konsep modal teroka adalah satu topik yang sangat luas. Perbincangan ini diringkaskan kerana ia bukan fokus kertas kerja ini.

Syarikat selepas Perang Dunia ke-2 (al-Suwailem, 1998). Terdapat tiga atau empat parti utama yang terlibat dalam sesuatu pembiayaan modal teroka. Ini digambarkan di Rajah 1 (Recklies & Recklies, 2000).

Rajah 1: Konsep Modal Teroka



Satu keunikan yang jelas dalam konsep modal teroka yang membezakannya dari pembiayaan ekuiti yang lain ialah keterlibatan pihak pemodal atau pemegang saham secara aktif dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan tambah nilai (*value-added*) yang lain kepada penerima modal seperti khidmat nasihat pengurusan, perancangan strategik, pemasaran dan rangkaian perniagaan (Recklies & Recklies, 2000). Bagi pihak usahawan, konsep modal teroka mampu memberi penyelesaian kepada masalah pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan, iaitu dua masalah utama yang sering dihadapi oleh mereka dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan. Pelaburan yang dibuat dalam satu usaha niaga adalah merupakan pelaburan jangka masa sederhana atau panjang dan dibuat biasanya pada peringkat-peringkat awal perniagaan. Peringkat-peringkat perniagaan boleh dibahagikan kepada 9 peringkat utama iaitu (Recklies & Recklies, 2000; BNM, 2004; Suruhanjaya Sekuriti, 2004):

1. Modal Benih² (*Seed Capital*)
2. Pembiayaan Permulaan³

² Modal permulaan yang perlu untuk membiayai penyelidikan dan pembangunan konsep awal atau prototaip. Ini adalah sebelum sesebuah perniagaan mencapai tahap permulaan (BNM, 2000)

3. Pembiayaan Peringkat Awal
4. Pengembangan/Pertumbuhan⁴
5. Penyambungan (*bridge*)⁵/mezanin⁶/pra-IPO⁷
6. Pembelian masuk pengurusan⁸ (*management buy-in*)
7. Pembelian keluar pengurusan⁹ (*management buy-out*)
8. Pembelian pemulihan¹⁰
9. Penunai keluar (pembelian sekunder)

Syarikat modal teroka memulakan pelaburannya dalam salah satu daripada peringkat-peringkat awal usaha niaga tersebut dan akan terus kekal bersama dengan syarikat tersebut sehinggalah projek tersebut mencapai peringkat di mana pihak pemodal mendapat mekanisme keluar untuk membuat keuntungan (al-Suwailim, 1998; BNM, 1999). Sebahagian daripada pemodal juga akan terus kekal dan memegang kepentingan dalam syarikat yang diusahakan tersebut.

Industri Modal Teroka Di Malaysia

Industri modal teroka Malaysia bermula pada tahun 1984 dengan tertubuhnya syarikat Malaysian Ventures Berhad¹¹ (BNM, 1999). Dalam hal ini, Malaysia agak terlambat dibandingkan dengan negara-negara Asia Pasifik yang lebih maju seperti Jepun, Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea. Namun begitu, dengan suasana pelaburan yang kondusif dan insentif cukai daripada pihak kerajaan, industri modal teroka mengalami pertumbuhan yang berterusan di Malaysia. Namun, hanya 10 tahun selepas

³ Pembiayaan bagi penubuhan syarikat tersebut dan dalam lingkungan tahun pertama operasi.

⁴ Pembiayaan bagi perkembangan syarikat yang telah membawa masuk produk mereka ke pasaran.

⁵ Pembiayaan jangka masa pendek sementara pembiayaan jangka masa panjang masih dalam perundingan.

⁶ Pembiayaan bagi syarikat yang berada dalam masalah kewangan, tetapi pembayaran balik bagi pembiayaan tersebut selepas hutang lama dibayar dan sebelum bayaran dibuat kepada peminjam dan pemegang saham yang lain.

⁷ Pembiayaan sebelum syarikat tersebut membuat tawaran awam awal.

⁸ Pembiayaan bagi pembelian saham syarikat bagi mempunyai pengaruh dalam syarikat tersebut.

⁹ Pembiayaan bagi membeli saham syarikat penerima modal teroka untuk mengubah struktur pemegang saham. Ini penting bagi kesinambungan syarikat tersebut.

¹⁰ Pembiayaan bagi mengembalikan syarikat kepada keadaan yang berdayasaing dan mampu membuat keuntungan.

¹¹ Syarikat ini ditubuhkan oleh Arab-Malaysian Merchant Bank dan beberapa syarikat lain.

itu, kerajaan mula menampakkan minat yang serius dalam industri ini dengan menubuhkan MTDC (Malaysian Technology Development Corporation)¹² (Fong, 2003).

Perkembangan industri ini berlaku dengan agak perlahan sebelum tahun 1999, namun perkembangan industri modal teroka di Malaysia mula mengalami perkembangan yang agak pesat setelah Krisis Kewangan Asia 1997 (Fong, 2003). Kebiasaannya, syarikat modal teroka di negara ini melantik syarikat-syarikat lain bagi menguruskan dana modal teroka mereka dalam tempoh yang tertentu (*close-ended*), biasanya dalam tempoh 10 tahun, atau tidak dihadkan dengan mana-mana tempoh (*open-ended*). Sehingga akhir tahun 2004, terdapat sebanyak 38 syarikat modal teroka (VCCs) dan 34 syarikat pengurus modal teroka di Malaysia (VCMCs), dengan saiz dana sebanyak RM 2,266 juta dan 332 syarikat penerima modal teroka¹³ dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 289.3 juta (BNM, 2004). Lihat Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Utama Industri Modal Teroka/Usaha Niaga di Malaysia¹⁴

	Pada akhir tahun 2003	Pada akhir tahun 2004
Dana modal usaha niaga (RM juta)	2,118.1	2,266.0
Jumlah pelaburan (RM juta) ¹	878.7	1,058.0
Sumber tempatan (RM juta)	769.0	887.0
Sumber asing (RM juta)	109.6	170.3
Bilangan syarikat/dana modal urus niaga	43 ²	38
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	31 ²	34
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	298	332
	Sepanjang tahun 2003	Sepanjang tahun 2004
Jumlah pelaburan (RM juta)	227.2	289.3
Sumber tempatan (RM juta)	192.5	248.4
Sumber asing (RM juta)	34.8	40.9
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	115	139

¹ Termasuk aktiviti peluputan
² Berdasarkan definisi Bank Negara Malaysia

Berdasarkan Jadual 1, kita dapat melihat dua perkara penting mengenai industri modal teroka Malaysia. Pertama, pelaburan modal teroka Malaysia banyak bergantung daripada sumber tempatan, berbanding sumber asing. Kedua, jumlah dana yang terdapat di dalam industri tidak digunapakai sepenuhnya. Daripada dana sebanyak RM 2,266 juta, hanya,


¹² Salah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang menumpukan pelaburan pada peringkat modal benih dan awal dalam syarikat-syarikat yang berorientasikan teknologi.

¹³ Adalah menjadi kebiasaan VCCs dan VCMCs untuk melabur dalam banyak syarikat agar risiko kerugian dapat diagihkan dalam portfolio pelaburan yang lebih besar.

¹⁴ Sumber: BNM, 20004.

RM 1,058 juta telah dilaburkan. Pihak industri berpendapat bahawa kesukaran untuk mendapatkan pelaburan yang sesuai merupakan alasan utama bagi sebab tersebut (Suruhanjaya Sekuriti, 2003). Rajah 2 pula menunjukkan sumber bagi dana industri modal teroka di Malaysia.

Rajah 2: Sumber Modal Teroka di Malaysia¹⁵



Berdasarkan Rajah 2, dapat disimpulkan bahawa kerajaan adalah merupakan penyumbang modal terbesar bagi dana modal teroka di Malaysia dan industri modal teroka di Malaysia masih banyak bergantung kepada sumber tempatan. Jumlahnya masih agak kecil jika dibandingkan dengan potensi sumbangan syarikat-syarikat ini kepada pembangunan ekonomi negara. Manakala dari sudut sektor pelaburan, industri modal teroka tertumpu kepada tiga sektor utama berorientasikan teknologi dan pengetahuan iaitu teknologi komunikasi dan maklumat, perkilangan dan sains kehidupan. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 2. Dari sudut peringkat perniagaan pula, syarikat modal teroka lebih menumpukan pelaburan mereka pada peringkat awal, pengembangan/pertumbuhan dan penyambungan/ mezanin/ pra-IPO.

¹⁵ Sumber: BNM, 2004.

Jadual 2: Pelaburan Terkumpul Modal Teroka mengikut Sektor¹⁶

	Pada akhir tahun 2004	
	RM juta	% bahagian
Teknologi komunikasi dan maklumat	446.2	42.2
Perkilangan	269.2	25.4
Sains kehidupan	194.7	18.4
Pendidikan	38.4	3.6
Elektrik, jana kuasa, gas dan air	17.4	1.6
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	10.3	1.0
Perkhidmatan pembiayaan, insurans, hartanah dan perniagaan	6.8	0.6
Pembinaan	0.1	0.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	0.0	0.0
Lain-lain	74.9	7.1
Jumlah	1,058.1	100.0

Jadual 3: Pelaburan Terkumpul Modal Teroka mengikut Sektor¹⁷

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	139	
Peringkat Perniagaan	RM juta	% bahagian
Modal benih	16.1	5.6
Pembiayaan permulaan	19.3	6.7
Pembiayaan peringkat awal	48.9	16.9
Pembiayaan pengembangan, pertumbuhan	105.8	36.6
Pembiayaan penyambungan, mezanin, pra-IPO	67.2	23.2
Pembelian keluar pengurusan	19.2	6.6
Pembelian masuk pengurusan
Penjualan keluar (pembelian sekunder)	0.6	0.2
Jenis pelaburan yang lain	12.1	4.2
Jumlah	289.4	100.0

Modal Teroka Dan Keusahawanan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Peranan industri kecil dan sederhana (IKS) mula dirasai kepentingannya setelah berlaku Krisis Kewangan Asia 1997 yang menyebabkan pelaburan asing telah mula berkurangan dan ditarik keluar dari Asia Tenggara. Data awal pada tahun 2002 menunjukkan bahawa Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand menerima kurang daripada satu perlima jumlah pelaburan asing yang diterima oleh China (Fong, 2003). Jesteru itu, isu pembiayaan IKS perlu diperkuatkan bagi membentuk kekuatan ekonomi domestik.

¹⁶ Sumber: BNM, 2004.

¹⁷ Ibid.

Konsep modal teroka ini juga sangat berkait rapat dengan IKS kerana kaedah pembiayaannya yang dilakukan pada peringkat awal syarikat.

Modal teroka sememangnya telah banyak memainkan peranan di sebalik kejayaan syarikat-syarikat besar dan ekonomi-ekonomi negara maju di dunia. Sebagai contoh banyak syarikat-syarikat besar seperti Apple dan Intel disokong oleh modal teroka. Kejayaan Lembah Silikon di California juga dibantu oleh industri modal teroka yang membiayai IKS berorientasikan teknologi di sana. Pada zaman kemuncaknya, Lembah Silikon mempunyai lebih 7,000 syarikat elektronik dan perisian komputer yang membuka 50,000 peluang pekerjaan setiap tahun. Berdasarkan konsep pembiayaan modal teroka, banyak IKS di Taiwan hari ini telah menjadi pembekal barang-barang elektronik yang bertaraf antarabangsa (Fong, 2003).

Di Malaysia, kerajaan memainkan peranan utama dalam menggalakkan industri modal teroka seperti yang digambarkan oleh Jadual 1 dan Rajah 2. Antara langkah-langkah utama yang telah diambil dalam industri modal teroka bagi menggalakkan perkembangan IKS ialah (BNM, 1999; Aziz, 2000):

- Penubuhan dua dana modal teroka yang bernilai RM500 juta yang telah dibentangkan dalam Bajet 2000. Ini termasuk RM200 juta yang akan digunakan bagi membiayai projek berteknologi tinggi melalui Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad dan RM300 juta bagi pembiayaan syarikat penerima modal teroka. Ini diikuti dengan penubuhan MSC Venture One.
- Penubuhan Persatuan Modal Teroka Malaysia pada 27 Februari 1995 bagi mempromosi dan membangunkan industri modal teroka.
- Penubuhan MESDAQ bagi memudahkan akses syarikat modal teroka kepada pasaran modal. Ia jua bertindak sebagai mekanisme keluar bagi pelabur daripada usaha niaga di syarikat penerima modal teroka.
- Insentif cukai kepada syarikat modal teroka dalam bentuk pengecualian cukai penuh bagi semua pendapatan syarikat modal teroka dalam tempoh pelaburan atau tempoh sepuluh tahun, mana satu yang terdahulu.

- Penawaran geran-geran kerajaan bagi pembiayaan IKS seperti Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri.
- Penubuhan agen-agen pemancing industri modal teroka dan IKS seperti Multimedia Super Koridor, Taman Teknologi Malaysia, Universiti Multimedia, Pelan Induk K-Ekonomi, institusi penyelidikan di bawah MIMOS dan SIRIM dan berbagai-bagai lagi.


Industri modal teroka Malaysia juga menghadapi beberapa cabaran dan masalah (BNM, 1999; Aziz, 2000). Antaranya ialah:

- Dana yang terhad. Setakat ini, kerajaan menjadi penyumbang utama dalam industri modal teroka. Namun, dengan pertambahan syarikat-syarikat IKS, dana yang lebih besar diperlukan, terutama dana asing yang sangat sedikit buat masa ini (1%). Penyertaan “business angels” atau individu-individu kaya dalam industri modal teroka Malaysia juga agak sedikit (10.5%).
- Kekurangan maklumat yang komprehensif mengenai industri modal teroka di Malaysia, terutamanya mengenai peluang dan sektor pelaburan. Ini mungkin menjadi penghalang kepada kemasukan dana modal teroka asing dan tempatan.
- Kekurangan bakat-bakat kreatif dan inovasi di kalangan usahawan yang menyebabkan banyak dana modal teroka tidak dapat disalurkan kepada usahawan-usahawan yang berpotensi. Oleh kerana itu, pada penghujung tahun 2003, lebih separuh (58.5%) dana modal teroka telah diletakkan dalam aset lain, iaitu deposit tetap dan tunai. Ini ditunjukkan dalam Rajah 3.

Peluang pembiayaan modal teroka di Malaysia sememangnya sangat besar. Namun, proses penilaian yang berhati-hati oleh syarikat modal teroka merupakan satu cabaran bagi pengusaha IKS. Di samping itu, pelaburan modal teroka banyak tertumpu kepada sektor-sektor industri yang beorientasikan teknologi dan pengetahuan. Oleh itu, usahawan IKS patut meningkatkan kemahiran, idea dan pengetahuan mereka selaras dengan pergerakan ekonomi Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Penubuhan lebih banyak syarikat modal teroka dan pengurusan modal teroka Islam mampu membantu menarik lebih banyak dana-dana asing terutamanya dari Timur Tengah dan sekali gus menggalakkan keusahawanan di kalangan umat Islam yang mementingkan kaedah pembiayaan yang berdasarkan Shariah. Tambahan pula, pembiayaan berbentuk *musyarakah* atau *mudharabah* yang sesuai dengan konsep modal teroka tidak menimbulkan kontroversi di kalangan pelabur-pelabur Muslim di peringkat antarabangsa.

Rajah 3: Penggunaan Dana Modal Teroka (2003: RM2.1 billion)¹⁸



Penerapan Konsep-konsep Shariah Dalam Pembiayaan Modal Teroka

Dr. Muhamad Abduh Mustoufa berpendapat bahawa konsep modal teroka (walaupun dalam bentuk konvensional) adalah sangat dekat dengan prinsip kewangan Islam dan ia mampu menjadi satu alternatif pembiayaan yang berjaya di negara-negara Islam kerana impaknya yang baik kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi (n.a., 2005). Walaupun pada asasnya, konsep modal teroka ini dapat dikiaskan kepada *syarikat inan* (perkongsian modal/harta) dan *mudharabah* (perkongsian harta dan usaha), tetapi

¹⁸ Sumber: Suruhanjaya Sekuriti, 2003.

sebahagian dari perinciannya mungkin bertentangan dengan Shariah. Namun, masalah tersebut boleh diselesaikan dengan mudah (al-Suwailem, 1998).

Antara isu yang timbul ialah kaedah pembiayaan ekuiti yang dipilih oleh syarikat modal teroka. Sebagai contoh, syarikat modal teroka boleh memilih untuk membiayai modal usaha niaga melalui pegangan syer-syer keutamaan (*preference shares*) di mana mereka mendapat keuntungan terkumpul dan tetap serta mendapat keutamaan menerima pembayaran selepas pemiutang dalam kes kesolvenan syarikat tersebut. Namun, pegangan saham seperti ini adalah haram mengikut pandangan Akademi Fiqh Islam (Syibir, 200) dan Dar & Presley (2000). Namun, Suruhanjaya Sekuriti (2000) mengambil pendapat bahawa saham keutamaan bukan kumulatif adalah halal berdasarkan konsep *tanazul*.

Berdasarkan pengamatan kasar penulis, tidak banyak syarikat modal teroka yang mengaplikasi konsep-konsep Shariah dalam pembiayaan mereka di Malaysia, cuma sebahagian kecil sahaja. Namun, usaha-usaha ke arah mewujudkan industri modal teroka Islam sedikit sebanyak dapat dilihat. Data-data berkaitan dengan kedudukan modal teroka Islam dalam industri modal teroka Malaysia juga tidak ditemui oleh penulis. Pelbagai pihak telah mencadangkan penubuhan dana modal teroka oleh syarikat-syarikat kewangan Islam agar konsep perkongsian untung-rugi (PLS) secara Islam dapat dipraktikkan secara meluas dalam ekonomi moden hari ini.

Pada pandangan penulis, bukan sahaja konsep-konsep perkongsian perniagaan dalam Fiqh seperti *musyarakah*¹⁹ dan *mudarabah*²⁰ dapat diaplikasikan pada konsep modal teroka ini, tetapi konsep-konsep perkongsian pertanian dalam Fiqh seperti *muzara'ah*²¹,

¹⁹ Usaha sama di antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan perniagaan tertentu yang bermotifkan keuntungan. Keuntungan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat berdasarkan bahagian ekuiti yang dimiliki (BNM, 2000).

²⁰ Perjanjian pembiayaan di antara pemodal dan pengusaha di mana pengusaha menjalankan aktiviti perniagaan atas dasar pembahagian untung, berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui sebelumnya. Jika berlaku kerugian di luar kawalan pengusaha, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal (BNM, 2000).

²¹ Usaha sama di antara dua pihak di mana salah satu pihak menyumbang tanah untuk diusahakan dan pihak yang lain mengusahakan tanah tersebut. Hasil pertanian dibahagi antara mereka mengikut persepakatan (Al-Zuhaili, 1997).

*musaqah*²² dan *mugharasa*²³ juga dapat digunapakai. Konsep dan aplikasi kontrak-kontrak ini dalam pembiayaan modal teroka adalah di luar fokus penulisan ini.

Syarikat modal teroka perlu memberi pilihan kepada usahawan-usahawan yang berpotensi untuk memilih kaedah pembiayaan yang berlandaskan Islam. Institusi-institusi kewangan Islam Malaysia perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyediakan pembiayaan yang berbentuk ekuiti seperti yang terdapat dalam konsep modal teroka. Ini secara langsung dapat menggalakkan sebahagian besar usahawan umat Islam mendapatkan modal yang halal bagi tujuan perniagaan. Kekurangan modal teroka atau modal Islam yang berbentuk ekuiti telah memaksa sebahagian usahawan Muslim dalam industri berteknologi tinggi di Lembah Silikon untuk memilih pembiayaan secara konvensional bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka (Al-Rifai & Khan, 2000).

Kesimpulan

Konsep modal teroka semangnya mampu menjadi alternatif pembiayaan yang baik kepada para usahawan, terutamanya IKS (Industri Kecil dan Sederhana), selain pinjaman daripada pihak bank kerana kosnya yang lebih rendah. Di samping itu, para usahawan juga mendapat perkhidmatan tambah nilai yang lain bagi mempercepatkan pengembangan perniagaan mereka. Namun begitu, industri modal teroka di Malaysia juga masih lagi di peringkat awal dan peranan utama masih bergantung kepada pihak kerajaan. Usaha untuk menarik pelaburan asing ke dalam industri modal teroka jugak patut diambil perhatian. Sehingga akhir tahun 2004, terdapat sebanyak hanya 38 syarikat modal teroka (VCCs) dan 34 syarikat pengurus modal teroka di Malaysia (VCMCs), dan potensi modal teroka sebagai sumber pembiayaan perniagaan yang utama masih belum digunakan sepenuhnya. Potensi pembiayaan modal teroka juga masih tidak digunakan sepenuhnya.

²² Usaha sama di antara dua pihak di mana salah satu pihak menyumbang tanaman dan tanah untuk dipelihara dan diusahakan, manakala pihak yang lain memelihara tanaman tersebut. Hasil pertanian dibahagi antara mereka mengikut persepakatan (Al-Zuhaili, 1997).

²³ Usaha sama di antara dua pihak di mana salah satu pihak menyumbang tanah untuk diusahakan dan pihak yang lain menyumbang pokok/tanaman tersebut. Jumlah pohon yang tumbuh dibahagikan antara mereka mengikut persepakatan (Al-Zuhaili, 1997).

kerana kekurangan projek yang yang sesuai. Akhir sekali, syarikat-syarikat kewangan Islam juga sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembiayaan yang berbentuk ekuiti seperti modal teroka dan penerapan konsep-konsep Islam seperti *musyarakah*, *mudarabah*, *muzara'ah*, *musaqah* dan *mugharasah* mampu memberi kepelbagaian kepada kaedah pembiayaan yang berlandaskan Islam yang sesuai mengikut peringkat dan sektor pelaburan modal teroka.

REFERENCES - Rujukan

- Aziz, Zeti Akhtar. 2000. Venture Capital Investment: Outlook & Trends. (Speech). *Venture Capital Europe-Asia 2000 Conference*, 28 Mac 2000, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. <www.emeap.org>
- Bank Negara Malaysia. 1999. *The Central Bank and the Financial System in Malaysia – A Decade of Change*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2000. *Pelan Induk Sektor Kewangan*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2004. *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Dar, Humayon A. & Presley, John. R. 2000. Lack of profit loss sharing in Islamic banking: Management and control imbalances. *International Journal of Islamic Financial Services*. Vol.2(2), n.pp.< www.islamic-finance.net>
- Fong, David. 2003. Venture Capital and SMEs - A Malaysian Perspective. (Speech). *Apec Symposium on Best Practices for Enhancing Financing Chain for SMEs at Differing Growing Stages*, 26 Ogos 2003, Taipeh.< www.mvca.org.my>
- n.a. 13 Jun 2005. Islamic Venture Capital – The Next Attraction. <<http://moneylinemagazine.com>>
- Recklies, Dogmar & Recklies, Oliver. 2000. The Venture Capital Industry: Analysis and Future Development. < www.themanager.org>
- Al-Rifai, Tariq & Khan, Aamir. 2000. *The role of venture capital in contemporary Islamic finance*. n.p. <www.failaka.com>
- Suruhanjaya Sekuriti. 2002. *Resolutions of the Securities Commission Syariah Advisory Council*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.

- Suruhanjaya Sekuriti. 2003. *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Al-Suwailem, Sami. 1998. Venture capital: A potential model of musyarakah. *Journal of King Abdulazizi University, Islamic Economics*, (10), pp. 3-20.
- Syibir, Dr. Muhammad Uthman. (1999). *Al-mu'amalat al-maliyyah al-mu'asirah fi al-fiqh al-Islami*. 'Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1997. *Al-fiqh al-Islami wa adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Mengenai artikel ini:

Reference Type: Conference Paper

Author: Abdullaah Jalil,

Year: 2005

Title: Modal Teroka Sebagai Pemangkin Keusahawanan Umat Islam:
Peluang dan Cabarannya di Malaysia (Kertas Kerja Sisipan)

Editor: Sekretariat Seminar Keusahawanan Islam

Conference Name: Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005

Conference Location: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur

Publisher: Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam